

SIARAN MEDIA

KERAJAAN MADANI PERKENALKAN MODEL BAHARU PENAJAAN JPA BERASASKAN MERIT AKADEMIK BAGI LATIHAN SEBELUM PERKHIDMATAN (LSP)

PUTRAJAYA, 28 April 2025 - Kerajaan MADANI bersetuju untuk melaksanakan penambahbaikan ke atas model penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi program Latihan Sebelum Perkhidmatan (LSP). Model baharu ini akan menggantikan Pinjaman Boleh Ubah (PBU) 2016 yang berasaskan merit tempat berkhidmat kepada **Pinjaman Boleh Ubah Berasaskan Merit Akademik** (PBU Akademik), berkuat kuasa mulai **1 Jun 2025**.

Langkah ini selaras dengan prinsip **Ihsan MADANI**, bertujuan memperkasa pembangunan modal insan berteraskan kecemerlangan akademik dan sahsiah dalam kalangan warganegara Malaysia yang berkelayakan.

STRUKTUR PBU AKADEMIK

Melalui model baharu ini, pelajar tajaan JPA (kecuali bidang Perubatan, Pergigian dan Farmasi) akan menikmati pengurangan bayaran balik pinjaman berdasarkan pencapaian akademik seperti kriteria berikut:

Kriteria	Peratus bayaran balik PBU Akademik
PNGK akhir 3.75 – 4.00 atau setara tanpa pelanjutan	5%
PNGK akhir 3.50 – 3.74 atau setara tanpa pelanjutan	10%
PNGK akhir 3.00 – 3.49 atau setara tanpa pelanjutan	15%
PNGK akhir 3.00 dan ke atas atau setara dengan pelanjutan	20%
PNGK akhir di bawah 3.00 atau setara atau Gagal pengajian	100%
DAN/ ATAU	
Dilantik dalam perkhidmatan awam (setaraf dengan kelayakan)	Dikecualikan bayaran balik atas baki nilai pinjaman

PNGK: Purata Nilai Gred Kumulatif

PENGECUALIAN KHAS: PERUBATAN, PERGIGIAN DAN FARMASI (PPF)

Pelajar dalam bidang PPF akan mendapat pengecualian penuh bayaran balik pinjaman sekiranya:

- i. Tamat pengajian dengan jayanya; dan
- ii. Memenuhi **ikatan kontrak** berkhidmat dengan Kerajaan.

Sekiranya pelajar tidak tamat pengajian atau gagal memenuhi ikatan kontrak, mereka perlu **membayar balik sepenuhnya** nilai pinjaman.

PELAKSANAAN DAN OPSYEN

PBU Akademik akan **diguna pakai kepada semua pelajar tajaan baharu mulai 1 Jun 2025**, kecuali penerima Dermasiswa.

Bagi pelajar sedia ada di bawah model **PBU 2016**, opsyen penukaran ke PBU Akademik akan dibuka secara **berperingkat mulai 1 Januari 2026**.

Pelajar PBU 2016 yang telah tamat pengajian dan kini membuat bayaran balik, **diminta menghentikan bayaran balik bermula 1 Jun 2025** sehingga penukaran opsyen dibuka secara berperingkat mulai 1 Januari 2026.

MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan boleh dirujuk melalui:

- Portal Penajaan JPA: <https://penajaan.jpa.gov.my>
- E-mel: pbuakademik@jpa.gov.my

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 28 April 2025
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (7)